

KARNIVAL KOLEJ VOKASIONAL 1 MALAYSIA TAHUN 2013

13/04/2013

KOLEJ VOKASIONAL KLANG

Bismillah-ir Rahman-ir Rahim,

Terima kasih Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia, Tan Sri Abd. Ghafar bin
Mahmud,
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,

Yang Berusaha, Tn. Hj. Ahmad Tajudin bin Jab,
Pengaroh Bahagian Pendidikan Teknik dan
Vokasional,

Yang Berusaha, Tn. Hj. Mahmud bin Karim,
Pengaroh Pelajaran Selangor,

Yang Berusaha, Pn. Hjh Fauzyah binti Abdullah
Pengaroh Kolej Vokasional Klang, Hos Karnival
Kolej Vokasional 1 Malaysia

Yang Berusaha, En. Maznan bin Mustapa,
Presiden Alumni Kolej Vokasional Klang,

Pengaroh-pengaroh Kolej Vokasional dan
Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Teknik

Wakil- wakil Agensi Yang Terlibat

Pensyarah- pensyarah Kolej Vokasional

Serta Guru-guru yang dihormati

Seterusnya hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wa barakatuh,
salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah izin dan kurniaNya, kita dapat berhimpun dalam satu majlis bersejarah dalam usaha mengurusperdanakan Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah terhadap gabungan kerjasama yang mantap, terjalin di antara Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kolej Vokasional Klang dan Alumni Kolej Vokasional Klang sebagai hos bersama, di atas keupayaan

menghimpunkan pelbagai aspek pengisian dan penghasilan produk vokasional dalam satu platform dengan terlaksananya Karnival Kolej Vokasional 1Malaysia tahun 2013 pada hari ini.

2. Usaha murni yang julung-julung kalinya ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, sokongan dan kerjasama semua pihak dalam merealisasikan Transformasi Pendidikan khususnya dalam bidang vokasional dan kemahiran selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional sejajar dengan matlamat Wawasan 2020.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan berhasrat untuk merealisasikan High Income Economy atau Ekonomi Berpendapatan Tinggi. Modal insan yang berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baharu dalam usaha menjana kekayaan negara perlu diwujudkan. Pertumbuhan ekonomi nasional ini menuntut peningkatan bilangan graduan dalam bidang teknikal dan vokasional.

4. Kerajaan melalui Bajet 2013 telah memperuntukkan sejumlah dana yang besar untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan negara khususnya bagi memenuhi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Nasional (2013 – 2025) ataupun PPPM yang telah mencapai 100 hari pelaksanaannya sepertimana yang saya baru umumkan baru-baru ini pada 10 April 2013. PPPM telah menggariskan keperluan transformasi pendidikan melalui Gelombang 1 yang akan dilaksanakan dari tahun 2013 hingga 2015. Gelombang 1 merupakan fasa di mana sistem perlu dirombak untuk memberi sokongan kepada guru dan memberi fokus kepada kemahiran utama.

5. Dalam hal ini, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tiga perkara iaitu:

- Meningkatkan enrolmen dalam pendidikan vokasional .
- Merombak kurikulum pendidikan vokasional supaya relevan dengan keperluan industri.
- Meningkatkan kolaborasi dengan pihak industri.

6. Dalam memenuhi aspirasi ini, usaha memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan pihak industri sedang dipergiatkan agar lebih responsif dan menepati keperluan serta perkembangan ekonomi negara. Peranan yang dinamik dari pihak industri menjadi faktor penting untuk melahirkan tenaga kerja yang kompetitif dan berdaya saing untuk melahirkan sekurang-kurangnya 3.3 juta pekerja mahir dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Para hadirin sekalian,

7. Langkah yang proaktif telah diambil oleh Kementerian Pelajaran sejak tahun 2009 lagi untuk memastikan pendidikan teknikal dan vokasional di negara ini setaraf dengan negara maju dan negara serantau. Kadar purata enrolmen pelajar aliran teknikal dan vokasional di peringkat menengah atas hanya 10% di Malaysia berbanding 44% bagi negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Kekuatan utama dalam sistem pendidikan di semua negara maju adalah pendidikan teknikal dan vokasional. Sebagai contoh, di Jerman, Finland dan

Austria, hampir 50 peratus hingga 80 peratus pelajarnya mengikuti pendidikan vokasional di peringkat menengah atas melalui program sepenuh masa (4 - 5 tahun) atau program apprenticeship. Manakala di negara-negara serantau seperti Indonesia dan Thailand, enrolmen pelajar yang mengambil aliran ini di peringkat menengah atas telah menjangkau 40 hingga 60 peratus.

8. Melihat kepada perkembangan yang berlaku di negara maju dan negara serantau, pendidikan vokasional di Malaysia telah melalui perubahan yang besar semenjak Transformasi Pendidikan Vokasional ini dilancarkan pada 6 Januari 2012. Definisi baru kejayaan melalui pendidikan vokasional sudah dapat dilihat melalui pengoperasian sebanyak :

a. 15 buah Sekolah Menengah Vokasional yang dinaiktarafkan kepada Kolej Vokasional pada tahun 2012 dengan pengambilan seramai 3120 orang pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

b. Pada tahun 2013 sejumlah 72 buah lagi Kolej Vokasional beroperasi dengan pengambilan pelajar lepasan PMR seramai 21250 orang .

c. Manakala di peringkat menengah rendah (Tingkatan 1 hingga 3) bilangan sekolah yang menawarkan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) meningkat dari 15 kepada 65 buah Sekolah Menengah Harian pada tahun 2013.

d. Selain daripada itu terdapat dua institusi swasta yang telah melaksanakan Program Kolej Vokasional dengan kursus dalam bidang berimpak tinggi iaitu Aircraft Maintenance dan Mechatronic. Pada tahun 2013, dua buah institusi lagi akan dikenalpasti.

9. Saya telah dimaklumkan bahawa bagi sesi pengambilan tahun 2013, sebanyak 117,000 permohonan untuk memasuki Kolej Vokasional telah diterima tetapi kapasiti yang mampu ditampung hanyalah 21 ribu orang sahaja. Permintaan yang sangat menggalakkan ini adalah hasil usaha BPTV dan KV yang telah banyak melaksanakan program promosi melalui media arus perdana, Program Jelajah KV, Taklimat Penataran Transformasi Pendidikan Vokasional, Program Konsolidasi serta Persidangan Kebangsaan Pendidikan Vokasional sebagai satu proses penyampaian dan usaha untuk mendekatkan setiap lapisan masyarakat. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

10. Usaha mengangkat martabat pendidikan vokasional di Malaysia akan dapat dicapai dengan jayanya melalui sokongan semua lapisan masyarakat. Kehadiran dan sokongan tuan-puan terhadap usaha murni kerajaan terbukti dengan sokongan yang dapat saya lihat pada pagi ini.

11. Selain itu, kerjasama dua hala sedang dijalankan antara KPM dan Jaringan Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang dianggotai oleh empat universiti teknikal iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi memastikan artikulasi pelajar Kolej Vokasional melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan-tuan dan Puan-puan dan para hadirin

sekalian,

12. Pengajian di Kolej Vokasional kini adalah berbentuk sistem semester selama empat tahun pengajian yang membolehkan graduan KV dianugerahkan Diploma Vokasional Malaysia. Semasa tempoh itu mereka akan mengikuti On Job Training (OJT), Production Based Education (PBE), School Enterprise (SE) serta aspek kokurikulum yang mantap bagi melahirkan kumpulan tenaga mahir yang mempunyai employability skills yang tinggi.

13. Saya amat gembira kerana banyak pihak telah menyokong usaha murni ini di mana pengiktirafan Diploma boleh diberikan oleh MQA, JPK, JPA, industri atau lain-lain badan bertauliah antarabangsa seperti City & Guild (C&G), TWI (London) serta LCCI sekiranya syarat-syarat dipenuhi. Sekiranya jurutera di negara ini boleh memperolehi pengiktirafan profesional daripada Lembaga Jurutera Malaysia maka graduan Kolej Vokasional yang dianugerahkan dengan Diploma ini boleh memperolehi pengiktirafan profesional melalui pengwujudan Malaysian Board of Technology (MBOT). MBOT akan bertanggungjawab memberi pengiktirafan kepada Technologists dan Certified Technician (Juruteknik Bertauliah). Ini merupakan satu perkembangan yang sangat memberansangkan dan saya berharap usaha-usaha giat dilakukan agar lebih ramai lagi anak-anak muda kita dapat berkecimpung di dalam bidang vokasional masing-masing dan seterusnya merancakkan lagi ekonomi negara.

14. Kementerian amat menggalakkan sebarang bentuk jalinan kerjasama (MoU) antara institusi latihan dan industri kerana dengan adanya perkongsian teknologi dan kepakaran ini secara tidak langsung dapat memantapkan lagi proses pembelajaran dan latihan para pelajar untuk menempuhi alam pekerjaan yang sebenar. Maka bagi tahun 2013 sahaja sebanyak 100 MoU atau perjanjian kerjasama akan diusaha untuk ditandatangani yang merupakan salah satu KPI BPTV.

15. Selain daripada program sepenuh masa, KV juga menawarkan program jangka pendek (short courses) melalui apprenticeship seperti Timber Processing and Finishing (TPF) serta kursus rintis Ekuin yang dilaksanakan mulai tahun 2010. Kedua program ini telah membuahkan hasil di mana graduan Ekuin seramai 35 orang telah telah mencapai tahap kompetensi untuk persijilan SKM Tahap 2 dan para pelajarnya telah diambil bekerja oleh beberapa syarikat dalam bidang Ekuin dengan gaji minimum RM1200.00. Manakala seramai 16 daripada 20 orang pelajar TPF telah diterima bekerja di syarikat yang melaksanakan SLDN tersebut. Tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan.

16. Saya juga merasa amat berbangga kerana melalui sistem pendidikan teknikal dan vokasional, keupayaan para pelajarnya dan gurunya diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pasukan guru Kolej Vokasional Gombak dengan produk Ekplorasi Sejarah telah memenangi tempat pertama Konvensyen KIK KPM Tahun 2012. Produk ini juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa untuk explorasi cabaran sejarah di satu pertandingan pendidikan INEX, Pittsburg Amerika Syarikat pada tahun 2012. Saya dimaklumkan bahawa penghasilan produk-produk inovatif oleh pelajar pendidikan teknikal dan vokasional diktiraf di peringkat antarabangsa Beijing Youth Science Creation Competition dengan tempat pertama gold medal award seperti produk Qi-Find yang dihasilkan oleh Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur di Beijing, China pada 20 – 26 Mac yang baru lalu. Tahniah dan saya difahamkan bahawa produk Qi-Find ini juga adalah antara bahan pameran karnival ini.

17. Bagi meningkatkan lagi kesedaran ataupun 'buy-in' di kalangan masyarakat tentang aliran teknik dan vokasional, saya menyarankan BPTV memberi tumpuan kepada Branding (penjenamaan) supaya pendidikan ini menjadi pilihan utama. Untuk itu Branding Strategy (Strategi Penjenamaan) perlu dirangka dan diuruskan dengan berkesan. Pada dasarnya, saya difahamkan bahawa semua KV dan Sekolah Menengah Teknik (SMT) telah mempunyai strategi dalam hal ini; dan saya berharap agar branding diperkasakan lagi dalam masa yang terdekat ini.

18. Saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, dan Kolej Vokasional Klang serta Alumni Kolej Vokasional Klang yang telah berjaya menganjurkan perhimpunan yang amat bermakna ini. Karnival ini sudah pasti dapat memberikan pelbagai maklumat berguna kepada masyarakat tentang hala tuju dan manfaat masa depan transformasi bidang pendidikan ini. Pendedahan yang dilakukan melalui penganjuran karnival ini diharap dapat mencapai objektif iaitu untuk menjadikan Kolej Vokasional sebagai pilihan aliran pendidikan arus perdana bertepatan dengan langkah kerajaan menyediakan pekerja berkualiti dan berdaya saing tinggi. Dengan itu besarlah juga harapan saya untuk melihat transformasi yang kita lakukan hari ini mendatangkan pulangan yang lumayan kepada rakyat dan negara, insyaallah.

19. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) selaku penaja utama Karnival Kolej Vokasional 1Malaysia ini. Saya berharap kerjasama yang terjalin ini tidak berakhir di sini sahaja tetapi diterus dan ditingkatkan lagi pada masa hadapan kepada kerjasama yang lebih strategik seperti melatih pelajar dan pensyarah KV dalam bidang yang berkaitan khususnya bidang perniagaan, kewangan dan lain-lain lagi.

20. Akhir kata, saya amat berharap karnival ini akan membuka ruang untuk kita mengerat dan mempertingkatkan lagi hubungan silaturahim antara Kerajaan, KPM dengan masyarakat setempat. Kerajaan telah berusaha sebaik mungkin untuk memastikan mutu pendidikan kita dinamik dan relevan, seiring dengan trend global. Ini komitmen Kerajaan dan saya yakin Tuan-Tuan dan Puan-Puan akan terus bersama menyokong kerajaan di dalam aspek ini demi kemakmuran generasi rakyat Malaysia di masa depan.

21. Dengan lafaz Bismillah-ir Rahman-ir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Karnival Kolej Vokasional 1Malaysia Tahun 2013, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Wabillahi al-Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Sekian, terima kasih.
13 April 2013